

# AXCEL DEXTROMETHORPHAN SYRUP

Dextromethorphan Hydrobromide (15mg/5ml & 30mg/5ml)

## APAKAH YANG ADA PADA RISALAH INI

1. Apakah Kegunaan Axcel Dextromethorphan Syrup.
2. Bagaimana Axcel Dextromethorphan Syrup Berfungsi.
3. Sebelum Mengambil Axcel Dextromethorphan Syrup.
4. Cara Menggunakan Axcel Dextromethorphan Syrup.
5. Semasa Menggunakan Axcel Dextromethorphan Syrup.
6. Kesan- Kesan Sampingan.
7. Cara Penyimpanan Dan Pelupusan Axcel Dextromethorphan Syrup.
8. Maklumat Lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh Kemaskini RiMUP.

## APAKAH KEGUNAAN AXCEL DEXTROMETHORPHAN SYRUP

Axcel Dextromethorphan Syrup boleh digunakan untuk merawat batuk kering.

## BAGAIMANA AXCEL DEXTROMETHORPHAN SYRUP BERFUNGSI

Dextromethorphan Hydrobromide merupakan sejenis pelega batuk yang berfungsi untuk mengurangkan batuk dengan bertindak balas melalui bahagian yang mengawal batuk dalam otak. Ia mempunyai sedikit kesan sedatif (mengurangkan kerengsaan atau keterujaan) dan tiada sifat analgesik (ubat yang melegakan kesakitan).

## SEBELUM MENGAMBIL AXCEL DEXTROMETHORPHAN SYRUP

### Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda alergi atau hipersensitif pada Dextromethorphan.
- Jika anda menghadapi penyakit hati.
- Jika anda menerima ubat perencat MAO (*Monoamine oxidase inhibitor*).
- Jika anda berisiko mempunyai masalah pernafasan.

### Sebelum mula mengambil

Sebelum anda mengambil Axcel Dextromethorphan Syrup anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda hamil, menyusukan bayi, bayi baru lahir dan pramatang.
- Jika pesakit di bawah umur 2 tahun.

### Jika mengambil ubat- ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan berikut kerana ia mungkin bertindak balas dengan Axcel Dextromethorphan Syrup anda:

- Produk depresi sistem saraf pusat (CNS) termasuk alkohol, barbiturat, hypnotik, analgesik narkotik, sedatif dan ubat trankuilizer.
- Perencat *Monoamine oxidase*.

## CARA MENGGUNAKAN AXCEL DEXTROMETHORPHAN SYRUP

### Berapa banyak harus digunakan

#### *Axcel Dextromethorphan-15 Syrup*

Dewasa: 10ml (30mg), setiap 6-8 jam, maksimum dos sebanyak 40ml (120mg) sehari.

Kanak-kanak (6-12 tahun): 5ml (15mg), setiap 6-8 jam, maksimum dos sebanyak 20ml (60mg) sehari.

#### *Axcel Dextromethorphan-30 Syrup*

Dewasa: 5ml (30mg), setiap 6-8 jam, maksimum dos sebanyak 20ml (120mg) sehari.

Kanak-kanak (6-12 tahun): 2.5ml (15mg), setiap 6-8 jam, maksimum dos sebanyak 10ml (60mg) sehari.

### Bila perlu digunakan

- Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### Berapa lama perlu digunakan

- Ambil ubat ini seperti yang dicatatkan di dalam risalah ini tanpa melebihi sukatan.
- Ikut saranan dan nasihat dari doktor atau ahli farmasi tentang berapa lama anda perlu mengambil ubat anda.

### Jika terlupa menggunakan

- Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.
- Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa.
- Jangan menggandakan sukatan kerana Axcel Dextromethorphan Syrup mungkin akan memberikan kesan sampingan yang merbahaya.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Simptom terlebih dos mungkin melibatkan keriang, kekeliruan dan masalah pernafasan.

Anda dinasihatkan supaya menghubungi dan memaklumkan doktor anda jika anda mengambil Axcel Dextromethorphan Syrup berlebihan.

## SEMASA MENGGUNAKAN AXCEL DEXTROMETHORPHAN SYRUP

### Perkara yang perlu dilakukan

- Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang mesti dan tidak patut anda lakukan semasa mengambil ubat ini.
- Maklumkan doktor anda jika tanpa diduga anda perlu mengambil ubat lain.
- Ambil Axcel Dextromethorphan Syrup mengikut dos yang disarankan.
- Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil Axcel Dextromethorphan Syrup lebih daripada frekuensi yang dicadangkan dalam satu hari.

# AXCEL DEXTROMETHORPHAN SYRUP

Dextromethorphan Hydrobromide (15mg/5ml & 30mg/5ml)

- Jangan melebihi dos pada setiap satu masa pengambilan.

## Perkara yang perlu diberi perhatian

- Hindari penggunaan berterusan dengan dos tinggi.
- Gunakan dengan berhati-hati atas nasihat doktor / ahli farmasi bagi kanak-kanak yang berumur di antara 2 hingga 6 tahun.
- Gunakan dengan berhati-hati jika anda merupakan pesakit asma.

## **KESAN- KESAN SAMPINGAN**

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Dextromethorphan Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor / ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan yang jarang berlaku berikut telah dilaporkan:

- Kepeningan.
- Mengantuk.
- Gangguan gastrousus.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers -> reporting*).

## **CARA PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN AXCEL DEXTROMETHORPHAN SYRUP**

### Penyimpanan

Jauhkan Axcel Dextromethorphan Syrup dari jangkauan kanak-kanak. Simpan di bawah 30°C. Pastikan bekas ubat tertutup rapat dan lindungi dari cahaya.

### Pelupusan

Jangan guna Axcel Dextromethorphan Syrup yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan, atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak

diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **MAKLUMAT LANJUT**

### A) Axcel Dextromethorphan-15

Syrup

#### Rupa dan warna produk

Axcel Dextromethorphan-15 Syrup ialah sejenis sirap berwarna coklat dengan perisa karamel.

#### Bahan- bahan kandungan

##### Bahan Aktif:

Dextromethorphan Hydrobromide

##### Bahan-bahan Tidak Aktif:

*Carboxy Methyl Cellulose, Liquid Caramel, Povidone K90, Propylene Glycol, Ammonium Chloride, Glycerin, Sodium Chloride, Saccharin Sodium, Refined Sugar, Purified Water, Citric acid, Sorbitol, Methylparaben dan Propylparaben.*

##### Nombor MAL

MAL20000079A

### B) Axcel Dextromethorphan-30

Syrup

#### Rupa dan warna produk

Axcel Dextromethorphan-30 Syrup ialah sejenis sirap berwarna merah dengan perisa ceri.

#### Bahan- bahan kandungan

##### Bahan Aktif:

Dextromethorphan Hydrobromide

##### Bahan-bahan Tidak Aktif:

*Glycerin, Propylene Glycol, Ammonium Chloride, Saccharin Sodium, Cherry Flavour, Citric Acid, Methylparaben, Purified Water, Refined Sugar, Sorbitol, Menthol Crystal and Cherry Red Colour (Carmoisine).*

##### Nombor MAL

MAL19984388A

## **PENGILANG DAN PEMEGANG PENDAFTARAN PRODUK**

KOTRA PHARMA (M) SDN BHD

No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,

Cheng Industrial Estate,

75250 Melaka, Malaysia.

## **TARIKH KEMASKINI RiMUP**

02/03/2015

## **NOMBOR SIRI**

BPFK(R4/1)040215/00024